
Krisis perlantikan berterusan jika...^{28/3/02}

SEREMBAN, Jumaat — Krisis perlantikan Datuk Kelana (Undang Luak Sungai Ujong) Ke-10 dikatakan akan berlanjutan selagi anak-anak Waris di Darat Perut Ulu daripada Rumpun Tinggang, Dusun dan Nyonyai, dinafikan hak mereka sebagai anak Waris yang sah di segi aturan adat.

Anak-anak Waris Perut Ulu daripada ketiga-tiga Rumpun berkenaan sepatutnya diberikan hak untuk menyertai urusan pemilihan Datuk Kelana Ke-10 kerana mereka adalah Waris yang sah.

"Itulah sebabnya anak-anak Waris berkenaan mahu supaya Datuk-Datuk Lembaga Tiang Balai Luak Sungai Ujong berdialog membincangkan krisis itu, yang berlari-tan lebih tiga tahun.

"Dialog itu akan memberikan kesempatan kepada kedua-dua pihak membincangkan isu anak-anak Waris Lingkungan yang dikatakan menjadi salah satu sebab yang memburukkan lagi krisis itu," kata satu sumber tertinggi adat kepada *Berita Harian* di sini.

Anak-anak Waris Perut Ulu daripada ketiga-tiga Rumpun itu selama ini dianggap sebagai Waris Lingkungan dan dengan itu, mereka tidak layak menyertai urusan pemilihan Datuk Kelana ke-10.

Sebagai anak-anak Waris Lingkungan, mereka juga tidak dibenarkan menyandang pesaka Datuk Kelana Ke-10.
